

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1970

CARA MENYELESAIKAN PERMOHONAN TANAH BERTINDIH (TERMASUK PERMOHONAN LESEN SEMENTARA)

Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian bahawa memandangkan kepada keadaan masa serta sebagai satu ikhtiar mempercepatkan lagi tindakan atas permohonan tanah bertindih maka Kerajaan Negeri telah membuat satu dasar serta menetapkan cara baru bagi tindakan yang perlu diambil atas permohonan-permohonan tanah bertindih.

2. Ketetapan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagaimana keputusan yang diberi atas Kertas M.M.K Bil. 8/356/70 III (4) dalam fail PTG.kn. 127/62 adalah seperti berikut:-

- (1) Semua permohonan tanah bertindih hendaklah dikaji serta ditimbangkan oleh satu Jawatankuasa Kecil yang dianggotai oleh ahli-ahlinya seperti berikut:-
 - (i) YB. Tuan Hj. Mohd Amin b. Hj. Yaakob - Pengerusi
 - (ii) YB. Tuan Hj. Abdullah b. Ahmad - Ahli
 - (iii) YB. Wan Hassan b. Hj. Wan Daud - Ahli
 - (iv) YB. Tuan Hj Omar b. Awang - Ahli
 - (v) YB. Encik Mohd Noor b. Hj. Yusoff - Ahli
 - (vi) Pegawai Jajahan yang berkenaan - Ahli yang dijemput
- (vii) Pemungut Hasil Tanah , Jajahan yang berkenaan - Setiausaha

- (2) Jawatankuasa yang tersebut di atas ini akan mengadakan mesyuaratnya serta menimbangkan permohonan-permohonan bertindih di jajahan-jajahan, iaitu apabila Setiausaha di Jajahan itu (iaitu Pemungut Hasil Tanah bagi Jajahan itu.) membuat panggilan untuk mengadakan mesyuarat di Jajahan itu.
- (3) Jawatankuasa kecil ini boleh mengadakan mesyuaratnya apabila Pengerusi dan tidak kurang dari 3 orang ahli yang hadir.
- (4) Apabila jawatankuasa kecil ini menimbangkan mana-mana permohonan bertindih dan membuat keputusan sebulat suara atas permohonan-permohonan itu maka Pemungut Hasil Tanah boleh terus mengambil tindakan atas keputusan itu dengan tidak lagi perlu merujukkan permohonan itu ke pihak berkuasa negeri.
- (5) Bagi permohonan bertindih yang mana Jawatankuasa kecil itu tidak dapat mencapai keputusan sebulat suara maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah melaporkan permohonan dan keputusan itu kepada pihak berkuasa negeri melalui Pengarah Tanah & Galian Kelantan.
- (6) Permohonan bertindih untuk mendapatkan Lesen Menduduki Sementara hendaklah diambil tindakan seperti permohonan-permohonan bertindih untuk mendapat milik tanah bagaimana di atas ini.

- (7) Rayuan-rayuan yang diterima dari mana-mana pihak atas keputusan permohonan tanah bertindih yang dibuat oleh jawatankuasa tanah bertindih atau pihak berkuasa negeri akan hanya diberi layanan dan pertimbangan sekiranya pihak yang berjaya belum lagi membuat sebarang bayaran berkaitan dengan tanah yang telah diluluskan kepadanya.
3. Dengan adanya keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagaimana yang diterangkan di atas ini maka Pemungut-pemungut Hasil Tanah yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 permohonan bertindih yang telah siap disediakan laporan untuk pertimbangan bolehlah menghubungi Pengerusi Jawatankuasa tersebut untuk menetapkan tarikh mesyuarat di Jajahan masing-masing bagi maksud membuat pertimbangan di atas permohonan-permohonan itu. Tindakan memanggil mesyuarat ini hendaklah diteruskan dari masa ke semasa sebaik-baik sahaja ada tidak kurang daripada 10 permohonan bertindih yang telah siap disediakan laporan untuk pertimbangan.
4. Pengedaran-pengedaran Pengarah Tanah dan Galian Bil. 2/64 dan 5/64 adalah dibatalkan.

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 15HB. SEPTEMBER, 1970

PTG.Kn. Sulit. 127/62/Vol.IV/(8)